

# MAJALAH AL HIKMAH (1934-1941): ISU-ISU UTAMA YANG DIBANGKITKAN

*AL HIKMAH MAGAZINE (1934-1941): KEY ISSUES RAISED*

Shafwan Ismail<sup>1</sup>,  
Noorhanis Binti Amran<sup>2</sup>  
Amrina Rasyada Binti Kamaruzaman<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilampuri, 15370, Malaysia

Email:ismailshafwan@gmail.com

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilampuri, 15370, Malaysia

Email:hanisnoor91@gmail.com

<sup>3</sup>Fakulti Usuluddin dan Al-Quran Hadis, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilampuri, 15370, Malaysia

Email:amrina.rasyada93@gmail.com

\*Corresponding author: Email:ismailshafwan@gmail.com

## Article history

Received date : 17-1-2025

Revised date : 18-1-2025

Accepted date : 25-2-2025

Published date : 11-3-2025

## To cite this document:

Ismail, I., Amran, N., & Kamaruzaman, A. R. (2025). Majalah Al Hikmah (1934-1941): Isu-isu utama yang dibangkitkan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (71), 34-50.

**Abstrak:** Kajian ini membincangkan isu-isu utama di Tanah Melayu yang dibangkitkan majalah al Hikmah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis kandungan teks Al Hikmah sebanyak 358 keluaran. Isu-isu utama yang dibincangkan di dalam majalah ini diklasifikasikan berdasarkan tema sosial, keagamaan, politik, dan ekonomi. Kajian mendapati bahawa majalah ini secara khusus membincangkan kemunduran dan kesempitan hidup masyarakat Melayu serta memperbaiki cara masyarakat mendalamai dan menghayati Islam sebagai cara hidup yang sempurna. Al Hikmah pada masa itu dianggap sebagai media yang efektif dalam mengubah cara hidup dan pandangan masyarakat terhadap kemajuan dan pembangunan. Al Hikmah juga menekankan pentingnya Islam menjadi asas perbincangan untuk mencapai kemajuan. Dengan memfokuskan isu-isu tersebut, majalah ini berperanan membentuk semangat ingin maju dalam kalangan masyarakat Melayu. Melalui penelitian ini, dapatlah dikatakan bahawa majalah Al Hikmah memainkan peranan penting dalam menyebarkan kefahaman Islam dan menjadi penggerak dakwah Islamiah di Kelantan sebelum Perang Dunia Kedua melalui aktiviti-aktiviti yang pelbagai.

**Kata Kunci:** Majalah al-Hikmah, peranan, dakwah, isu-isu

**Abstract:** This study examines the key issues in Malaya highlighted by Al Hikmah magazine. A qualitative approach was employed by analyzing the content of Al Hikmah across 358 editions. The major issues discussed in the magazine are categorized under social, religious, political, and economic themes. The study reveals that the magazine specifically addressed the challenges

of backwardness and hardship faced by the Malay community, while striving to enhance their understanding and practice of Islam as a comprehensive way of life. At the time, Al Hikmah was regarded as an effective medium for transforming the community's lifestyle and perspective toward progress and development. The magazine also emphasized the significance of Islam as the foundation for discourse on achieving advancement. By focusing on these issues, Al Hikmah played a crucial role in fostering a spirit of progress within the Malay community. This analysis concludes that Al Hikmah magazine was instrumental in spreading Islamic understanding and served as a significant driver of Islamic dakwah (propagation) in Kelantan prior to World War II through its diverse activities.

**Keywords:** Majalah al-Hikmah, role, dakwah, issues

## Pendahuluan

Majalah Al Hikmah, yang diterbitkan antara tahun 1934 hingga 1941, merupakan salah satu media penting dalam sejarah penerbitan Melayu, khususnya di Tanah Melayu. Dalam konteks sosial dan politik yang sedang berkembang pada masa itu, Al Hikmah berfungsi sebagai platform untuk membincangkan isu-isu yang relevan dengan masyarakat Melayu, termasuk kemunduran, kesempitan hidup, dan penghayatan Islam sebagai cara hidup yang sempurna. Al Hikmah bukan sahaja menjadi saksi sejarah, tetapi juga memainkan peranan penting dalam membentuk pandangan dan sikap masyarakat terhadap pelbagai isu yang dihadapi. Dengan menekankan pentingnya pendidikan dan penggunaan bahasa Melayu, majalah ini mencadangkan langkah-langkah untuk memajukan bangsa dan tanah air. Dalam era yang penuh cabaran ini, Al Hikmah berusaha untuk menggalakkan kesedaran dan semangat ingin maju dalam kalangan masyarakat Melayu. Selain itu, majalah ini sebagai penggerak dakwah Islamiah yang berkesan. Oleh itu, penelitian ini diharapkan dapat memberikan pemahaman yang mendalam tentang peranan majalah Al Hikmah dalam membentuk identiti dan kesedaran masyarakat Melayu pada zaman tersebut.

## Pernyataan Masalah Kajian

Majalah Al Hikmah memainkan peranan penting dalam sejarah penerbitan Melayu, khususnya di Tanah Melayu, dengan membincangkan isu-isu sosial, politik, ekonomi, dan agama yang relevan dengan masyarakat pada masa itu. Walaupun majalah ini telah menjadi medium yang berpengaruh dalam membangkitkan kesedaran masyarakat Melayu tentang kemunduran, pendidikan, dan nilai Islam, kajian komprehensif terhadap peranannya masih terhad.

Kajian-kajian terdahulu hanya membincangkan Al Hikmah secara sepintas lalu atau dalam konteks yang lebih luas bersama penerbitan lain. Malah, peranan penerbitnya iaitu Ahmad Ismail Asasi dan kandungan utama majalah ini masih kurang diteliti secara mendalam. Selain itu, kajian mengenai bagaimana Al Hikmah mencorak pemikiran masyarakat Melayu dan menggalakkan kesedaran terhadap kemajuan serta identiti bangsa juga masih belum mendapat perhatian yang sewajarnya.

Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengisi jurang penyelidikan dengan memberikan tumpuan khusus terhadap isu-isu yang dibincangkan dalam Al Hikmah, termasuk bagaimana majalah ini berfungsi sebagai medium reformasi sosial dan pemikiran dalam kalangan masyarakat Melayu. Dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan secara kualitatif, kajian ini bertujuan untuk memahami impak penerbitan ini terhadap kesedaran politik, pendidikan dan keagamaan masyarakat Melayu pada zaman tersebut.

Kurangnya kajian dalam bidang ini memberi kesan yang signifikan terhadap sejarah intelektual Melayu. Jika tidak dilakukan kajian dengan lebih mendalam, pemikiran yang dibawa oleh majalah seperti *Al Hikmah* tidak dapat dipulihkan atau disebarluaskan kepada generasi baharu. Ini menyebabkan warisan intelektual Melayu yang berasaskan perbincangan agama, sosial dan politik dari perspektif sejarah awal sehingga menjadi kabur atau dilupakan.

Kajian terdahulu hanya menyentuh majalah ini secara sepantas lalu tanpa analisis mendalam terhadap isu-isu yang dibawa. Hal ini menyebabkan kurangnya rujukan akademik yang dapat digunakan oleh penyelidik dalam memahami perkembangan wacana pemikiran Melayu sebelum kemerdekaan. Jika ditinjau akan sejarah penerbitan Melayu sebelum perang dunia kedua, ia memainkan peranan penting dalam membentuk kesedaran masyarakat. Namun, disebabkan kekurangan kajian ia telah menyebabkan perkembangan majalah seperti *Al Hikmah* kurang dihargai sebagai medium dakwah, pendidikan, dan pemangkin reformasi sosial.

Sekiranya kajian mengenai majalah *Al Hikmah* tidak diperluaskan, masyarakat hari ini kehilangan peluang untuk memahami bagaimana pemikiran dan gerakan intelektual Melayu pada zaman dahulu membentuk wacana keilmuan dan kesedaran politik hari ini. Tokoh seperti Ahmad Ismail Asasi dan Abdul Kadir Adabi merupakan antara pemikir utama di sebalik *Al Hikmah*. Kurangnya kajian mengakibatkan sumbangan mereka dalam membentuk wacana intelektual Melayu kurang dikenali dan dihargai oleh generasi kini.

Kekurangan kajian dalam bidang ini bukan sahaja mengaburkan sejarah penerbitan Melayu, tetapi juga melemahkan kesinambungan pemikiran intelektual yang menjadi asas kepada pembangunan masyarakat Melayu moden. Oleh itu, usaha lebih mendalam perlu dilakukan bagi menghidupkan semula wacana dan pemikiran yang telah dibangunkan oleh *Al Hikmah* dalam konteks sejarah dan intelektual Melayu.

### Kajian Literatur

Tinjauan penulis terhadap karya-karya terdahulu mencetuskan idea untuk meneruskan kajian ini. Abdul Razak Mahmud (2009) dalam Bunga Rampai Persuratan Melayu Wilayah Timur, Sejarah, Pemikiran dan Karya, telah membincangkan serba sedikit tentang majalah *Al Hikmah*. Beliau hanya menyebut sepantas lalu tentang peranan penerbitnya, Ahmad Ismail Asasi dan membincangkan novel-novel yang disiarkan di dalam majalah tersebut. Kajian tentang wajar diterukan agar sebuah kajian yang memfokuskan isu-isu yang dibincangkan majalah tersebut pada masa itu dapat dihasilkan.

Selain itu, Alias Muhammad (t.t) di dalam Intejensi Melayu Kelantan, telah membincangkan tentang Ahmad Ismail Asasi yang banyak menghasilkan karya melalui majalah-majalah yang diterbitkan di Kelantan di era tersebut. Di antara medium yang digunakan Ahmad Ismail Asasi adalah majalah-majalah yang diterbitkan di Kota Bharu, seperti *Al Hidayah*, *Al Hikmah* dan *Pengasuh*. Walaupun Alias Muhammad tidak memfokuskan majalah *Al Hikmah* di dalam karya beliau, tetapi karya ini telah melonjakkan idea untuk meneliti tentang *Al Hikmah* secara mendalam melalui kajian yang bersifat akademik.

Mano Sikana (1983) di dalam bukunya ‘Pemikiran Islam di dalam satera Melayu’ telah membincangkan peranan Islam dalam memperkembang dan memperkayakan cerpen-cerpen Melayu. Di antara majalah yang banyak menyiaran cerpen saduran daripada bahasa Arab secara bersambung adalah majalah *Al Hikmah*. Maklumat ini amat menarik perhatian penulis untuk menjalankan kajian secara lebih meluas, kerana perbincangan Mano Sikana amat sedikit dan

terbatas dan memerlukan kepada kajian dan analisis yang lebih tersusun dan bermakna, terutama mengenai isu-isu yang dibangkitkan di dalam aspek sosial dan politik.

Muhammad Uthman el-Muhammadi (2010) di dalam sebuah artikel bertajuk ‘Memperkasa Warisan Persuratan Melayu Wilayah Timur Laut’ juga telah menyentuh warisan intelektual dan budaya yang sangat berharga di bahagian Timur Semenanjung. Di dalam perbincangan ini sudah tentu majalah Al Hikmah dan penerbitnya Ahmad Ismail Asasi turut disentuh. Muhammad Uthman el-Muhammadi telah menyenarai 13 hasil karya yang dihasilkan Ahmad Ismail, kebanyakannya karya tersebut disiarkan di dalam majalah Al Hikmah secara bersiri. Perkembangan ini menjadi sumber inspirasi kepada kajian ini bagi menghasilkan kajian yang lebih bermakna tentang majalah Al Hikmah, walaupun bukanlah semestinya yang terbaik.

Ashaari bin Yusoff (t.t) di dalam kajiannya Perkembangan Surat Khabar dan Majalah di Kelantan sebelum Perang dari 1918-1941 telah membincangkan perkembangan penulisan di Kelantan. Perbincangan telah menyentuh majalah Al Hidayah dan Al Hikmah sebagai majalah yang berperanan membangkitkan kesedaran Melayu pada masa itu. Kajian ini banyak membantu penulis di dalam menganalisis isu-isu yang dibangkitkan majalah Al Hikmah.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang diperoleh melalui teks Majalah al Hikmah sepanjang penerbitan sejak tahun 1934 hingga tahun 1941. Majalah al Hikmah sepanjang penerbitannya telah diterbitkan sebanyak 385 buah. Kajian ini menggunakan analisis kandungan untuk mengkaji tema, isu, dan mesej dalam *Majalah Al Hikmah* (1934–1941). Langkah-langkah dalam menjalankan analisis kandungan dalam kajian ini adalah pengumpulan data atau naskhah dari pelbagai sumber seperti arkib dan perpustakaan. Kemudian membuat penyediaan dan pemilihan data atau artikel berkaitan sosial, agama, politik dan ekonomi. Dengan pemilihan tersebut dibahagikan kepada empat kategori tema. Kategori pertama adalah kategori sosial yang menyentuh berkenaan isu pendidikan, kesihatan dan masyarakat. Kategori kedua iaitu kategori keagamaan membincangkan mengenai ajaran Islam dan dakwah. Manakala kategori ketiga iaitu tentang politik yang meliputi isu penjajahan dan nasionalisme. Kategori keempat adalah ekonomi yang berkaitan dengan keadaan ekonomi serta strategi peningkatan taraf hidup.

Langkah seterusnya adalah membuat analisis naratif dan kontekstual dengan mengkaji gaya penulisan, nada dan konteks sejarah untuk memahami mesej utama. Langkah terakhir adalah membuat interpretasi dan kesimpulan dengan mengenal pasti pola dan tren dalam penulisan majalah kemudian membandingkan kandungan dengan penerbitan sezaman majalah terutama *Al Hidayah* dan *majalah Pengasuh*.

Manakala untuk menjamin kesahan data yang digunakan dalam kajian ini, beberapa langkah penting telah diambil iaitu penggunaan sumber asal. Kajian ini menggunakan teks asal *Majalah Al Hikmah* sepanjang penerbitannya dari tahun 1934 hingga 1941. Data diperoleh dari pelbagai lokasi seperti rumah waris penerbit, perpustakaan, dan arkib, bagi memastikan kesahihan dan keaslian sumber. Langkah seterusnya adalah triangulasi data. Data yang diperoleh dibandingkan dengan sumber sekunder seperti buku, artikel, dan kajian terdahulu yang membincangkan *Al Hikmah* dan penerbitan seangkatan dengannya. Ini membantu memastikan ketepatan dan konsistensi maklumat yang diperoleh.

Kemudiannya menganalisis kandungan yang sistematik bagi setiap artikel, editorial, dan tulisan dalam *Al Hikmah* yang diklasifikasikan mengikut tema utama (sosial, keagamaan, politik, dan

ekonomi) bagi memastikan analisis yang menyeluruh dan sistematik. Pendekatan ini mengelakkan kesimpulan yang bersifat subjektif atau spekulatif. Yang terakhir adalah melakukan penyemakan berulang terhadap teks majalah bagi memastikan tiada kesalahan dalam transkripsi atau analisis.

## Perbincangan dan Dapatkan

### Penerbitan majalah Al Hikmah

Kelantan di antara negeri di Tanah Melayu yang tidak ketinggalan dari segi penerbitan buku, majalah dan akhbar sebelum Perang Dunia Kedua. Menurut Alias Muhamad, antara tahun 1918 hingga 1941, Kelantan telah menerbitkan sebanyak 12 buah majalah. 11 buah daripadanya diterbitkan di Kota Bharu dan sebuah diterbitkan di Pasir Putih (Alias Mohamad:tt). Majalah pertama diterbitkan di Kelantan ialah majalah *Pengasuh*, iaitu pada 11hb Julai tahun 1918. Kemudian diterbitkan pula majalah-majalah lain seperti *al Kitab*, *al Hidayah*, *Terok*, *Suratkhabar Petra*, *al Kamaliah*, *Kencana*, *al Hikmah*, *Sinaran Kelantan*, *al Riwayat*, *Chetera Kelantan* dan sebagainya (Iskandar Hj Ahmad: 1980)

Isu-isu utama yang dibangkitkan majalah-majalah tersebut adalah hampir sama. Ia telah memfokuskan tentang kemunduran orang Melayu. Oleh itu, majalah pada masa itu telah dijadikan sebagai media penting untuk mencorak pemikiran masyarakat dan meningkatkan kesedaran agama. Majalah-majalah yang diterbitkan itu boleh dikatakan sebagai majalah-majalah bersifat pengetahuan dan pendidikan agama Islam, walaupun tidak semua majalah-majalah tersebut mempunyai ruangan khusus tentang agama.

Majalah Al Hikmah yang menjadi fokus kajian ini adalah di antara majalah yang lahir seiring majalah-majalah tersebut. Al Hikmah telah berperanan membangkitkan kesedaran orang Melayu, bukan sahaja di dalam bidang agama, tetapi juga di dalam bidang sosial, ekonomi dan politik.

Majalah Al Hikmah diterbitkan oleh Ahmad Ismail Asasi di Kota Bharu pada 1 April 1934. Ahmad Ismail adalah sebagai penerbit, pengarang dan juga pencetaknya. Beliau dibantu oleh Abdul Kadir Adabi, sebagai penyunting. Al Hikmah sepanjang penerbitannya telah dicetak di Matbaah Asasiah, sebuah percetakan milik Ahmad Ismail sendiri.

Majalah Al Hikmah telah berjaya diterbitkan selama lapan tahun oleh penerbit dan penyuntingnya yang sama. Pelancaran naskhah sulungnya adalah pada 1 April 1934, dan naskhah terakhirnya adalah pada 15 Disember 1941. Dalam tempoh yang relatif panjang itu, sebanyak 358 naskhah telah berjaya diterbitkan. Penulis telah berjaya menjumpai semua nashkhah Al Hikmah, walaupun sebahagiannya di dalam keadaan yang tidak sempurna. Naskhah-naskhah tersebut sebahagiannya di rumah Ahmad Ismail sendiri di jalan Banggol, Kota Bharu, manakala sebahagian yang lain dijumpai di rumah anak sandara Ahmad Ismail di Kg Kota, Kota Bharu. Terdapat juga sebahagian daripada naskhah-naskhah dijumpai di Perpustaan Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur, Kota Bharu.

Majalah *al Hikmah* adalah salah sebuah majalah yang diterbit dalam tempoh tersebut. Nashkah sulungnya diterbitkan pada 1 April 1934 dan naskhah terakhirnya terbit pada Oktober 1940. Ia diterbitkan Dato'Lela Nagara Ahmad Ismail Asasi sebagai pemilik dan pengarangnya. Pembantu beliau adalah oleh Abdul Kadir Adabi sebagai penyuntingnya. Penerbitan al Hikmah sangatlah konsisten. Ia dapat berjalan sepertimana yang dirancang penerbitnya dari awal, iaitu bermula dengan penerbitan setiap sepuluh hari, kemudian mulai tahun 1936, ia mula diterbitkan lebih

kerap, iaitu secara mingguan pada tiap-tiap hari Khamis sehingga keluaran Mac 1941. Tetapi malangnya, bermula April tahun 1941, ia tidak dapat diterbitkan mengikut rancangan asalnya seminggu sekali, kerana terpaksa diterbitkan dua minggu sekali kerana kesukaran Perang Jepun sehingga keluaran terakhirnya bertarikh 15hb. Disember 1941.

Penerbitan *Al Hikmah* mendapat sambutan baik dari pembacanya. Dari tahun pertamanya, di dalam tempoh tujuh bulan sahaja pengedaran al *Hikmah* sudah sampai ke seluruh tanah air dan Singapura. Di Semenanjung Tanah Melayu wakil-wakil penjualnya terdapat lima di Kota Bharu, iaitu di pejabat *al Hikmah* di jalan Pos Offis Lama, PPM Muhammad Jalan Pos Offis Lama, Hj Ismail Salleh Jalan Pasar Lama, Hj Idris bin Hj Ismail Pasar Lama Kota Bharu dan DY Ikhwan jalan Pasar Lama Kota Bharu satu, di Kuala Krai iaitu Muhammad Yatim dan Muhamad Amin Press, tiga wakil di Kedah, iaitu Tuan PK Abdul Majid & Company 12 Jalan Raja, Abdul Majid di 29 Pekan Melayu dan Yussuf bin Arifin di Kuala Muda, dua wakil di Perak, iaitu Abdul Aziz Jaafar Sadiq di Batu Gajah dan Rejab bin Mat di Parit Buntar, satu wakil di Kuala Lumpur iaitu Tuan MM Ali & Company di Market Strait dan satu wakil di Seremban iaitu Stationary & Book seller Agency di no 68 , Birch Road. Di Singapura terdapat dua wakil iaitu Hasyim bin Hj Abdullah di no 135, Arab Street dan Tuan Sulaiman & Company 62-63 Arab Street (al Hikmah :1934). *Al Hikmah* bilangan 10 menyiarkan pertambahan wakil jualannya di Pulau Pinang iaitu Madrasah A'sriyah, di 82 Pitt Street (al Hikmah :1934). Wakil-wakil jualannya terus dilihat bertambah di dalam keluaran selepas itu dengan perlantikan wakil di Terengganu, Perlis, Pahang dan Brunei (Al-Hikmah : 1936).

Bilangan dan kekerapan penerbitan Al Hikmah seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 1 dibawah.

**Jadual 1: Bilangan dan kekerapan Penerbitan al Hikmah 1934-1941**

<b>Tahun</b>	<b>No. Bil</b>	<b>Bil Keseluruhan</b>	<b>Kekerapan</b>
1934	1 - 27	27	10 hari
1935	28-67	40	10 hari
1936	68 -120	53	7 hari
1937	121 -172	52	7 hari
1938	173- 224	52	7 hari
1939	225 -276	52	7 hari
1940	277 - 328	52	7 hari
1941	329 – 358	30	15 hari
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>358</b>	

Sumber : *Majalah al Hikmah 1934-1941*

### **Isu-Isu yang dibangkitkan**

Perbincangan ini bertujuan meneliti isu-isu utama yang dibangkitkan Al Hikmah. Bagi memudahkan perbincangan ini, ia dibahagikan kepada isu-isu utama seperti ekonomi, isu agama, pelajaran dan lain-lain.

#### **Isu Ekonomi**

Kegawatan ekonomi dunia pada dekat 1930-an, turut memberi kesan kepada ekonomi di Tanah Melayu. Krisis ekonomi yang melanda dunia pada tahun 1929 hingga tahun 1930-an hampir melumpuhkan ekonomi Tanah Melayu. Kesan daripada krisis ekonomi ini, bukan saja telah menjaskas perniagaan dan perdagangan di bandar-bandar, tetapi turut menjaskas pendapatan

petani dan pekebun kecil di luar bandar. Beribu-ribu buruh dalam kalangan Cina dan India yang kehilangan pekerjaan dihantar pulang ke negara asal mereka (Siti Rodziah Nayan: 2009).

Walaupun majalah *al Hikmah* muncul dalam suasana ekonomi sudah mula pulih, iaitu pada tahun 1934, tetapi keadaan ekonomi orang-orang Melayu, terutama di Kelantan masih jauh ketinggalan. Oleh itu, isu-isu kesempitan hidup orang Melayu, isu kekayaan negara dibolot oleh bangsa asing menjadi isu utama yang hangat dibincang.

Isu ekonomi yang utama yang diberi perhatian oleh *al Hikmah* ialah isu kemiskinan orang Melayu. Data menunjukkan keterlibatan orang-orang Melayu di dalam sektor ekonomi adalah rendah berbanding kaum-kaum lain. Menurut R. Emerson, anggaran rasmi 1935, menunjukkan orang-orang Melayu yang terlibat dengan kegiatan ekonomi hanya seramai 643,003 orang daripada penduduk berjumlah 1,777,421 orang. Sementara orang-orang Cina pula seramai 717,614 orang dan orang India seramai 387,916 orang. (R Emerson: 1963) Walaupun angka tersebut menampakkan jumlah orang-orang Melayu yang terlibat dengan sektor ekonomi agak ramai, tetapi mereka melibatkan diri hanya secara kecil-kecilan. Sedangkan orang-orang cina dan bangsa-bangsa lain terlibat di dalam ekonomi dengan skala besar. Mereka telah menguasai lombong bijih timah dan ladang-ladang besar yang menjadi tunjang ekonomi negara.

Di Kelantan, kehidupan masyarakat bergantung kepada aktiviti pertanian, iaitu penanaman padi, getah dan aktiviti perikanan. Selepas Perjanjian Bangkok tahun 1909 campur tangan Inggeris di Kelantan makin meningkat. Keresahan masyarakat tani Kelantan meningkat apabila pelbagai dasar cukai dan peraturan baru diperkenalkan oleh Inggeris. Walaupun pihak pemerintah penjajah di Kelantan menyatakan hasrat untuk memajukan sektor pertanian dan melindungi kepentingan petani negeri itu, tetapi usaha pemerintah penjajah untuk memajukan perusahaan padi, terutama pada tahun 1920-an dan awal 1930-an amat sedikit dan biasanya tidak mendapat peruntukan wang yang mencukupi. Oleh yang demikian, selain menghadapi masalah tidak mendapat jaminan sepenuhnya dalam hal hak milik tanah, para petani juga masih terpaksa mengusahakan sawah mereka dengan bergantung hampir sepenuhnya pada bekalan air hujan. Hanya sebahagian kecil dari mereka yang mendapat bekalan air tambahan melalui sistem pengairan primitif dan dikendalikan oleh mereka sendiri. Keadaan sedemikian, bukan sahaja sawah padi yang diusahakan oleh petani di Kelantan mengeluarkan hasil yang rendah, tetapi jumlah keluaran padi sentiasa turun naik dengan lebih besar berbanding dengan perubahan dalam keluasan tanah sawah yang diusahakan (Ishak Saari: 1992)

Sebagaimana kaum petani, kaum nelayan di Kelantan juga mengalami nasib yang sama. Mereka dibebani oleh pemerintahan penjajah. Pemilik perahu dikehendaki membayar mendaftar perahu dan membayar lesen setiap tahun. Selain membebani nelayan Kelantan dengan bayaran tersebut, pemerintahan penjajah mengabaikan perusahaan perikanan dan kaum nelayan di Kelantan. Oleh itu, nelayan terpaksa bergantung pada sumber persendirian untuk memajukan kegiatan perikanan mereka. Akibatnya perkembangan perusahaan perikanan pada zaman penjajahan amatlah lembab dan nelayan terpaksa hidup dalam kemiskinan (Ishak Saari:1992).

Dalam suasana sedemikian, majalah *al Hikmah* yang membawa wadah untuk membangunkan masyarakat Melayu membangkitkan tentang kemiskinan orang-orang Melayu. *Al Hikmah* juga menegur orang Melayu daripada aspek sosio-budaya. Contohnya teguran sikap malas berusaha dalam kalangan anak Melayu menjadikan mereka miskin. Selain faktor sosiobudaya, faktor sosioekonomi juga menyumbang kepada permasalahan ini. Oleh itu, *al Hikmah* memberi galakan supaya orang-orang Melayu melibatkan diri dengan aktiviti ekonomi, seperti bermiaga dan sebagainya. Bagi *Al Hikmah*, perniagaan sangat penting di dalam kehidupan manusia.

*Perniagaan adalah tiang kemajuan, kemunduran perniagaan bermakna kelemahan umat, cari lah jalan yang memajukan perniagaan kita (Al Hikmah: 1941)*

Isu kaum migran juga merupakan isu yang menimbulkan kontroversi dan sentiasa dibangkitkan. Pada tahun 1934, negara masih berdepan kegawatan ekonomi, walaupun ekonomi Malaya sudah mula pulih. Buruh-buruh asing yang sebelum itu dihantar pulang ke negara asal di waktu kegawatan ekonomi sudah dihentikan oleh pentadbiran penjajah. Kemasukan beramai-ramai buruh asing telah wujud semula, menyebabkan kedudukan mereka lebih dominan. Orang-orang Cina dan India mula menuntut hak persamaan, mereka mula mempersoalkan dasar pro Melayu yang diamalkan British. Perkara-perkara berkaitan hak politik setiap kaum juga lantang disuarakan. Mereka meminta agar diberi peluang yang sama memegang jawatan pemerintahan di Tanah Melayu. Hal-hal yang seumpama itu tidak disenangi oleh orang Melayu yang dianggap mengancam kedudukan mereka sebagai pribumi.

Dalam hal ini, Al Hikmah memainkan peranan menyedarkan masyarakat tentang kedudukan orang Melayu yang makin terancam. Isu kekayaan dibolot oleh bangsa asing dibangkitkan al Hikmah bertujuan menyedarkan masyarakat tentang perkembangan yang berlaku di Tanah Melayu, yang merugikan bangsa Melayu. Al Hikmah menyebut;

*Negeri kita kaya raya, tetapi kekayaan terletak di bawah kekuasaan orang-orang asing dan bukan ditangan bumiputera (Al Hikmah :1940)*

Perkembangan menjadi semakin serius bermula awal tahun 1920-an sehingga awal tahun 1940-an, iaitu sebelum pendudukan Jepun di Tanah Melayu apabila kaum asing menuntut persamaan hak di dalam semua aspek kehidupan. Tuntutan mendapat peluang yang lebih di dalam bidang ekonomi dan jawatan-jawatan awam kerajaan terus disuarakan. Hal ini disuarakan al Hikmah;

*Malaya sama juga dengan negara lain yang penuh dengan hasil-hasil daripada segala jenis, tetapi perbezaan di sini ialah negara lain hasilnya bagi anak-anak negeri sendiri, adapun Malaya hasilnya yang terbanyak sekali bagi bangsa yang lain yang telah datang dari segenap penjuru alam (Al Hikmah: 1939)*

Inilah di antara contoh isu ekonomi yang disuarakan majalah Al Hikmah.

### **Isu Agama**

Al Hikmah boleh dikatakan sebuah majalah yang berorientasikan Islam. Oleh itu, perbincangan isu keagamaan dibahas secara panjang lebar di dalam majalah ini. Perbincangan tentang agama dalam aspek aqidah, hukum fiqh, akhlak dibangkitkan. Isu gerakan penyebaran agama Kristian di Tanah Melayu ketika itu juga memberi perhatian yang serius.

Sejarah agama Kritian di Tanah Melayu telah bermula bersama-sama kedatangan kolonial Barat di atas misi ‘mensucikan nilai’ atau sebagai ‘tanggungjawab orang kulit putih mentamadunkan orang kulit berwarna’ atau dengan erti kata lain mengkristiankan bangsa yang tidak beragama menurut penilaian mereka. Matlamat ini sangat jelas ketika ancaman tentera Portugis ke atas Melaka diketuai Alfonso de Albuquerque pada tahun 1511. Misi tersebut turut disertai oleh lapan orang Paderi Kristian daripada beberapa aliran Roman Khatolik. Lebih jelas lagi apabila mereka telah mendirikan sebuah gereja di Malaka. Bermula dari saat itu, Melaka telah dikunjungi oleh paderi-paderi besar, termasuk seorang paderi terkenal, iaitu St. Francis Xavier yang beraliran Roman Khatolik. Kedatangan penjajah Belanda yang menakluki Melaka pada tahun 1641 pula,

membawa pula aliran Protestan dan aliran ini lebih mantap dengan kedatangan penjajah British yang meneruskan misi penjajahan. Dari sejak itu agama Kristian mula disebarluaskan (Azmah Abd Manaf:2001).

Al Hikmah telah mendedahkan aktiviti gerakan Kristian yang menyebarkan risalah-risalah agama mereka. Al Hikmah telah memberi kesedaran kepada masyarakat. Menurut al Hikmah;

*Mereka itu (mubaligh-mubaligh Kristian) bertaburan keseluruhan Melayu dengan ketiadaan syak lagi dan mereka itu telah datang ke negeri Kelantan ini menaburkan surat-surat salinan dari kitab-kitab mereka itu (Al Hikmah: 1936)*

Al Hikmah telah berusaha menggerakkan dakwah islamiah secara tersusun dan memajukan perkembangan Islam di Tanah Melayu untuk menanggani penyebaran Kristian. Al Hikmah lantang mencadangkan supaya ditubuhkan Persatuan Ulama' Semenanjung. Al Hikmah menyarankan;

*Bahawa dengan sesungguhnya (Persatuan Ulama' Semenanjung) yang amat mustahak bagi umat Semenanjung ini barang kalilah akan kelak menjadi penghulu kepada sekalian persekutuan ulama (Al Hikmah: 1936).*

Selain agama Kristian, ajaran Qadiani juga mula memasuki Tanah Melayu pada waktu itu. Ajaran ini diasaskan oleh Mirza Ghulam Ahmad yang dilahirkan pada tahun 1839 di Kampung Qadian dalam daerah Gurdaspur pada peringkat akhir pemerintahan Sikh di India. Bapanya bernama Mirza Ghulam Murtaza bin Mirza Atta Muhammad. Dia berketurunan Borlas dari bangsa Moghul. Dia mendakwa mendapat ilham bahawa beliau berasal dari bangsa Parsi. Dia menyatakan keturunannya dipercayai berasal dari Samarkand, kemudian berpindah ke India dan menetap di Qadian. Menurut al Hikmah ajaran ini sudah mula disebarluaskan di Tanah Melayu pada 1930. Oleh itu, bagi memberi kefahaman tentang kesesatan ajaran ini, al Hikmah telah menyiaran rencana bersiri bertajuk '*Membatalkan Dakwaan Ghulam Ahmad Qayani*' yang ditulis oleh Mohd Syafei Ranggol (Al Hikmah:1940).

Al Hikmah juga mencadangkan supaya disamakan tarikh permulaan hari puasa Ramadan, yang akan membawa kepada persamaan tarikh Hari Raya di negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu. Bagi menyamakan tarikh permulaan puasa, al Hikmah mencadangkan penggunaan hisab dalam menentukan tarikh permulaan puasa dan Hari Raya. Menurut al Hikmah;

*Kita sesungguhnya menyertai hairan bersama-sama orang yang hairan betapa hari permulaan puasa dan Hari Raya itu dipakai dengan menengok bulan pada hal berbuka puasa dan permulaan menahan diri kerana berpuasa itu boleh dipersetujukan dengan jalan hisab sahaja (al Hikmah :1936).*

Ini adalah sebahagian contoh isu agama yang dibangkitkan Al Hikmah. Sebahagian besar daripada isu tersebut telah mendapat respon daripada pentadbir Melayu dan berjaya dilaksanakan selepas itu.

### **Isu Pelajaran**

Isu pelajaran adalah isu hangat dibincangkan pada tahun-tahun 1920-an dan 1930-an. Majalah *Pengasuh*, telah mengemukakan tiga soalan kepada pemerintah Tanah Melayu pada masa itu pada tahun 1920. Pertama, apakah sebab pemerintah tidak menyediakan sekolah-sekolah rendah

di kampung-kampung dan daerah-daerah orang Melayu dan memaksa ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah tersebut. Kedua, ke manakah dibelanjakan wang hasil dan cukai yang dipungut dari orang-orang Melayu setiap tahun. Dan ketiga, tidakkah mengajar anak-anak orang Melayu dan membina sekolah-sekolah menjadi keutamaan pemerintah (Pengasuh:1920). Soalan-soalan tersebut sangat lantang diutarakan *Pengasuh* kerana pentadbiran Inggeris di Tanah Melayu tidak menjadikan pendidikan sebagai satu keutamaan.

Oleh itu, isu pelajaran dan pendidikan sangat dititikberatkan al Hikmah. Isu tersebut telah mendapat perhatian yang meluas pembacanya. Menurutnya Al Hikmah, pelajaran dan pendidikan merupakan asas kemajuan sesebuah bangsa.

*Sekiranya ilmu dan harta datang kepada seseorang dengan tidak berusaha mencarinya barangkali tiadalah seorang pun yang di muka bumi ini miskin dan jahil, dan tidaklah pula dibangunkan beberapa sekolah atau kolej yang tinggi di dalam dunia ini seumpama Azhar dan tidak juga didirikan beberapa gudang untuk berjual beli mencari nafkah.* (Al Hikmah :1935)

Pendidikan kaum wanita juga menjadi isu yang dibincangkan. Pada zaman tersebut pendidikan anak-anak perempuan kurang diberi perhatian. Pandangan sesetengah masyarakat Melayu terhadap pendidikan anak-anak perempuan dapat dilihat apabila al Hikmah menyiarkan kiriman pembacanya seperti berikut:

*Di kampung saya boleh dikatakan semua orang menegah perempuan daripada membaca suratkhabar atau majalah, kata mereka kalau perempuan membaca suratkhabar nescaya biadab ia* (Al Hikmah :1934)

Malah ibu bapa juga dimomokkan bahawa pendidikan bagi anak-anak perempuan hanya membuang masa:

*Apa nak buat budak-budak perempuan itu di sekolah tinggi, kalau di sekolah tinggi pun hendak sampai ke mana dibawa pelajarannya itu, budak yang tidak di sekolah pun dipinang orang juga* (Al Hikmah :1940)

Pandangan negatif oleh kaum tua di dalam masyarakat Melayu telah menghalang perkembangan pelajaran. Al Hikmah menyebut;

*Taraf anak-anak perempuan hanya layak menjalankan kerja-kerja rumah seperti memasak dan membasuh sahaja dan ketiadaan sekolah-sekolah khusus bagi anak-anak perempuan. Mengikut kepercayaan orang-orang Melayu adalah haram perempuan dan laki-laki disatukan dalam satu kelas sekalipun untuk belajar* (Al Hikmah: 1940).

Al Hikmah juga banyak menegur kurikulum di sekolah-sokolah Melayu pada masa itu kerana kurikulum di sekolah Melayu sangatlah rendah, iaitu hanya memberi pelajaran membaca, menulis dan mengira sahaja, sedangkan keperluan masyarakat kepada pelajaran yang lebih tinggi untuk memajukan negara. Al Hikmah mencadangkan supaya tahap pelajaran ditingkatkan.

### **Isu Penubuhan Kolej Di Kelantan dan Universiti di Malaya**

Isu pengajian tinggi dibangkitkan Al Hikmah. Artikel Ahmad Ismail bertajuk ‘*Fikiran Berkenaan Universiti di Malaya*’ telah menjelaskan suasana masyarakat ketika terbahagi kepada dua golongan yang saling berbeza pendapat. Pertama, golongan yang tidak bersetuju menubuhkan

Universiti di Tanah Melayu kerana alasan, jika dibuka universiti, ia akan memberi peluang kepada semua bangsa di Malaya dan anak-anak Melayu akan ketinggalan. Alasan mereka juga bahawa tiada keperluan anak-anak Melayu berkelulusan tinggi kerana keperluan pada masa itu adalah menumpukan kepada pekerjaan yang boleh memakmurkan negeri. Dan mereka juga berpendapat bahawa bidang pekerjaan untuk mereka yang berkelulusan tinggi adalah terhad, dengan mengambil contoh di Mesir dan di India orang yang memiliki ijazah juga menjadi penganggur. Mereka juga berhujah jika ditubuhkan universiti di Malaya, maka akan kurang orang-orang Melayu memasuki Universiti di Eropah. Ini merugikan kita sebab tidak akan dapat ilmu di sana.

Manakala golongan kedua, adalah mereka yang mahukan penubuhan universiti. Mereka juga ada beberapa alasan. Pertama jika ada universiti, anak Melayu yang pertengahan pun berpeluang belajar di universiti kerana tidak memerlukan perbelanjaan yang besar di bumi sendiri. Kedua, universiti yang ditubuhkan itu mesti mengadakan kouta khusus untuk anak-anak Melayu, justeru tidak timbul masalah anak Melayu akan terlepas peluang memasuki universiti. Ketiga, bagi mereka yang berkemampuan tiada halangan untuk menghantar anak-anak mereka ke universiti di luar negara. Keempat, semakin tinggi pelajaran semakin luas bidang pekerjaan dan semakin tinggilah kemajuan negeri. Setelah membuat perjelasan tersebut, Al Hikmah menyebut;

*Maka kita sendiri sentiasa berfikir pada menyertai orang-orang yang berkehendakkan ada universiti di Malaya (Al Hikmah:1937).*

Isu penubuhan Universiti ini menjadi isu hangat yang diperbincangkan pada tahun 1930-an. Perbincangan tersebut sangat menarik di dalam *al Hikmah* kerana terdapat dua golongan ini masing-masing mengemukakan hujah bagi menyokong pendapatnya. Al Hikmah, menyiarkan satu artikal bertajuk '*Hajat Yang Besar Kepada Pengetahuan Tinggi*', Al Hikmah menyebut;

*Tanggungan mengadakan universiti mengapakah Tanah Melayu tiada boleh mengadakan belanja-belanjanya, padahal Negeri-Negeri Yang Bersekutu sahaja telah dapat menghadiahkan kapal perang Malaya kepada Great Britain bermilion harganya. Dan Singapura telah dapat mengadakan kubu yang dikatakan sekuat-kuat kubu di dalam dunia dan telah dikatakan ada lagi ura-ura hendak dibangunkan di Pulau Pinang. Tanah Melayu boleh mengadakan keretapi membukakan tempat peranginan yang dinamakan Fraser Hill itu dan lain-lainnya (Al Hikmah: 1937).*

Al Hikmah terus menyuarakan perasaan tidak puas hati terhadap kerajaan kerana tidak mengambil perhatian sepenuhnya di dalam pembinaan sekolah-sekolah tinggi, kolej dan universiti;

*Dan jika elok sangat kita hitungkan jikalau tiap-tiap negeri di dalam Malaya ini sentiasa menghantar anak-anak belajar di dalam universiti Eropah, sekarang pada sebuah negeri umpamanya ada universiti di Malaya adalah perbelanjaan itu boleh membelanjakan kepada dua atau tiga pelajar (Al Hikmah: 1937).*

### **Isu Bahasa Melayu dan Tulisan Jawi**

Bahasa Melayu dan tulisan Jawi merupakan dua perkara yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Ini adalah kerana bahasa Melayu telah berkembang di Nusantara sejak sebelum kedatangan Islam lagi. Kedatangan Islam telah mempertingkatkan lagi kedudukan bahasa Melayu yang menjadi bahasa perantaraan Islam di Alam Melayu. Tulisan jawi pula

diperkenalkan oleh para ulama' yang menyebarkan dakwah islamiah di Nusantara sejak awal Islam bertapak dirantau ini. Tulisan jawi kemudiannya terus berkembang menjadi tulisan utama di dalam pengajaran agama di masjid-masjid, surau-surau, sekolah-sekolah sehingga ia menjadi tonggak kepada tamadun Melayu dan menjadi tulisan rasmi sebelum kedatangan penjajah.

Kedatangan penjajah telah mula menggugat bahasa Melayu dan tulisan jawi apabila mereka mula memperkenalkan tulisan rumi melalui penubuhan sekolah Inggeris. Kesannya melahirkan segelintir orang-orang Melayu, termasuk pembesar Melayu berbangga dengan bahasa asing dan tulisan rumi dan memperlekeh bahasa sendiri. Oleh itu, isu bahasa Melayu dan tulisan Jawi menjadi isu yang hangat dibangkitkan. Menurut al Hikmah:

*'Hidup dan mulia bahasanya itu kemajuan bangsanya dan hilang bangsa dengan kehilangan bahasanya'* (Shafie Abu Bakar:2000).

Bagi al Hikmah mempelajari bahasa Inggeris untuk mengambil faedah bagi kemajuan bangsa dan tanah air adalah suatu yang dituntut. Tetapi mempelajarinya sehingga tidak mahu lagi menggunakan bahasa Melayu, sama ada dalam tulisan maupun percakapan adalah seperti membunuh Melayu sendiri (Al Hikmah: 1935)

Al Hikmah mencadangkan supaya bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi di Tanah Melayu. Menurut Al Hikmah;

*Adapun langkah-langkah yang wajib dijalankan bagi merasmikan bahasa Melayu itu ialah;*

- 1- *Membesarkan pejabat penterjemah daripada bahasa asing kepada bahasa Melayu*
- 2- *Memakai bahasa Melayu seberapa yang dapat dahulu dimana-mana pejabat kerajaan*
- 3- *Meninggikan lagi akan darjah pelajaran bahasa Melayu hingga diadakan pelajaran-pelajaran pertengahan*
- 4- *Mewajibkan tiap-tiap orang apa bangsa sekalipun yang masuk bekerja di pejabat kerajaan mesti tahu menulis dan membaca bahasa Melayu dengan sempurna.*
- 5- *Pelajaran bahasa Melayu wajiblah dijadikan satu pelajaran tambahan di sekolah-sekolah Inggeris* (Al Hikmah: 1940).

Pada tahun 1940, akhbar dan majalah hangat membincangkan isu bahasa Inggeris yang dimasukkan ke sekolah Melayu. Al Hikmah menyokong anak-anak Melayu mempelajari bahasa Inggeris. Namun, dalam masa sama bimbang bahasa Melayu akan dipinggirkan oleh orang-orang Melayu. Al Hikmah menyebut;

*Maka memasukkan pelajaran bahasa Inggeris ke dalam sekolah-sekolah Melayu itu sepertilah kita memasukkan baji ditengah-tengah tujuan kita, atau menutupkan pintu kemaraan meluas dan meninggikan harga bahasa Melayu di dalam jawatan kerajaan dan pergunaan yang am di Tanah Melayu yang bermaknalah tidak kurang daripada kita menahankan jerat dan memasukkan leher kita sendiri kepada jerutannya.* (Al Hikmah: 1940)

### **Isu Politik**

Perkembangan politik dalam dan luar negara juga diberi perhatian oleh al Hikmah. Isu politik dalam negeri yang dibangkitkan adalah isu kebanjiran pendatang asing ke Tanah Melayu dan menuntut hak persamaan dalam aspek ekonomi, pendidikan dan juga politik. Tuntutan-tuntutan tersebut telah dilihat oleh akhbar-akhbar dan majalah-majalah yang diterbitkan pada waktu itu sebagai suatu ancaman besar kepada masyarakat Melayu yang ketinggalan di dalam aspek ekonomi dan sosial dan politik.

Sejak akhir tahun 1920-an, kaum imigran Cina atau India mula membuat tuntutan hak sebagai penduduk negeri-negeri Melayu daripada Inggeris, termasuk hak politik. (Azmah Abd Manaf: 2010). Mereka menuntut agar Malayan Civil Service (MCS) dibuka kepada mereka, disamping menuntut hak-hak lain. Tuntutan-tuntutan kaum imigran ini telah menimbul keresahan orang-orang Melayu dan telah menjadi isu di dalam akhbar dan majalah ketika itu. Majalah al Hikmah tidak ketinggalan membuat ulasan tentang isu kaum imigran dan kesannya terhadap kedudukan orang-orang Melayu.

### **Isu Kemasukan kaum migran**

Al Hikmah lantang membangkitkan isu kemasukan kaum migran ke Tanah Melayu. Di dalam sebuah rencana bertajuk ‘*Siasat di Malaya*’, Al Hikmah menyebut;

*Jadilah orang-orang Melayu ini boleh dihitungkan sebagai bangsa yang telah kalah pada tiap-tiap perkara kekayaan, kekuasaan dan kepunyaan-kepunyaan serta harapan kepada menjadi bangsa yang mulia itu pun hampir-hampir terlingkup membalikkan pantatnya ke langit* (Al Hikmah:1939).

Berdasarkan keadaan yang berlaku al Hikmah telah meramalkan nasib yang akan menimpa orang Melayu;

*Maka daripada aliran-aliran siasah yang berlaku sekarang, teranglah orang-orang dagang itu mempunyai pengaruh yang terlalu besar pada masa akan datang baik di medan perusahaan dan siasah negeri atau lainnya dan orang-orang Melayu akan menarap dengan terlalu azab sengsaranya* (Al Hikmah: 1939)

Kebanjiran penduduk asing dengan cepat ke Tanah Melayu pada mulanya dibawa oleh Inggeris untuk kepentingan ekonomi mereka. Buruh-buruh asing ini terpaksa dibawa oleh Inggeris untuk ditempatkan disektor-sektor perlombongan dan perladangan. Hal ini berpunca daripada sikap orang Melayu, pada peringkat awal penjajahan tidak mahu menerima kerja sebagai buruh-buruh atau sebagai kuli, tetapi lebih suka makan gaji sebagai kerani pejabat, *driver* dan sebagainya. Hal ini menyebabkan pihak Inggeris telah mengambil jalan singkat dengan mengimport buruh-buruh tersebut dari Cina pada awal abad ke 19 dengan mudah sekali. Hal ini telah menjadikan faktor penghijrahan ke Tanah Melayu (Azmah Abd Manaf :2001)

Kemudian kumpulan buruh kedua pula diimport dari India di akhir abad ke 19. Keadaan di India ketika itu pun hampir sama dengan keadaan di negara China. Penduduknya dilanda kemiskinan dan kebuluran telah mendorong mereka berhijrah ke negara-negara lain untuk mencari kehidupan baru, termasuk ke Tanah Melayu (Azmah Abd Manaf :2001)

Perkembangan ini telah menjadikan Tanah Melayu di bawah kekuasaan penjajah Inggeris mengalami perubahan besar dari segi bilangan penduduk bukan Melayu. Ia telah menjadi isu hangat akhbar-akhbar dan majalah-majalah pada masa itu. Oleh yang demikian, wajar ditunjukkan secara kasar tentang gejala penduduk asing dengan angka-angka yang boleh memberi gambaran yang lebih jelas tentang persoalan yang dibangkitkan al Hikmah. Jadual 2 adalah jadual yang menyatakan perubahan penduduk Tanah Melayu dari tahun 1891 hingga 1931 mengikut ras.

Berdasarkan jadual tersebut, dapat dilihat pertambahan penduduk asing di Tanah Melayu meningkat dari tahun ke tahun. Dalam masa yang sama peratusan penduduk Melayu makin

berkurangan. Pertambahan ini disebabkan penghijrahan kaum Cina dan India kerana pintu masuk ke Tanah Melayu terus dibuka oleh pihak Inggeris atas kepentingan ekonomi mereka. Pertambahan penduduk asing yang begitu ketara ini telah mendapat perhatian al Hikmah, kerana telah memberi implikasi dalam kehidupan masyarakat Melayu. Mengikut al Hikmah;

*Kita tidak berjumpa pintu negara ini terdedah kepada bangsa-bangsa asing itu lebih banyak daripada umat kita sendiri dan kita tidak berjumpa kebebasan dan keberanian bangsa-bangsa dagang itu bersuara dan berteriak menuntut kelebihan dan persamaan taraf dengan anak-anak negeri (Al Hikmah: 1939)*

#### **Jadual 2 : Pertambahan Penduduk di Tanah Melayu Mengikut Ras Dari Tahun 1891-1931**

Tahun	Jumlah Penduduk	Melayu	Cina	India	lain-lain
1891	11,500,000	65%	25%	5%	5%
1901	11,800,000	60%	30%	6.6%	31.4%
1911	12,645,005	33%	36.6%	10.1%	2.3%
1921	13,327,000	48.8%	35.2%	14.2%	1.8%
1931	14,348,000	43.5%	39.2%	14.3%	2.0%

Sumber: K Shadu (1969). *Indians In Malaya And Singapore*. Kuala Lumpur. Cambridge University Press. H.175

Al Hikmah juga telah menegur pemimpin Melayu yang hanya berdiam diri dalam hal ini; *Kita masih lagi tidak faham di atas keengganan wakil-wakil dan persatuan-persatuan Melayu kita yang bertanggungan dan diam daripada mengemukakan masalah kewatanan yang mustahak ini* (Al Hikmah: 1937).

Oleh itu, jalan penyelesaian terbaik bagi al Hikmah yang boleh membendung kebanjiran penduduk asing ini adalah dengan menutup pintu negara kepada kaum asing;

*Tujuan kita ini memohon supaya ditutup rapat pintu Malaya ini daripada menerima dif-dif yang baru, yang akan memenuhi daripada apa yang telah ada bukan meminta halau keluar* (Al Hikmah: 1936).

#### **Isu Golongan Aristokrat Melayu**

Perbincangan tentang pembesar Melayu dan pentadbiran di Tanah Melayu menjadi isu di dalam al Hikmah. Hal Ini dikaitkan dengan latar belakang struktur masyarakat Melayu tradisional yang secara umumnya terbahagi kepada dua bahagian, iaitu golongan yang pemerintah dan golongan yang diperintah. Tetapi jika dihalusi ia boleh dibahagikan kepada kelas bangsawan, kelas pembesar, kelas rakyat biasa dan kelas hamba. Kelas bangsawan terdiri dari keluarga diraja yang terlibat dengan pentadbiran kerajaan, disamping pembesar-pembesar negeri. Pembesar-pembesar negeri adalah mereka yang terlibat dengan pentadbiran negeri termasuk sebagai pemungut cukai daripada rakyat.

Isu yang dibangkitkan al Hikmah adalah berkaitan kelas pentadbir-pentadbir Melayu yang tidak memainkan peranan dalam membangunkan masyarakat Melayu yang miskin, Mereka juga tidak menjalankan pentadbiran dengan baik kerana kurang kemahiran dan pengetahuan, mengakibatkan tergendalanya kemajuan rakyat bawahan dan juga pentadbiran kerajaan. Menurut Al Hikmah;

*Adalah kepuanahan pada bahagian pertama (golongan pemimpin) itu nyata benar di dalam setengah-setengah negeri kerana satu siasah yang silap, iaitulah siasah mengutamakan titisan (keturunan) daripada pengetahuan dan kemahiran (Al Hikmah: 1936).*

### **Jadual 3: Struktur Kelas Dalam Masyarakat Melayu Tradisional**

<b>Kelas</b>	<b>Peringkat Negeri</b>	<b>Peringkat Daerah</b>
Atasan	Pemerintah (bangsawan)	Ketua Daerah (Imam, Kweng, Nebeng) Dan orang tani kaya
Pertengahan	Ulama', ketua-ketua daerah (Imam, kweng dan Nebeng)	
Bawahan	Rakyat dan Hamba	Tani miskin

Sumber: Hanafi Dolah (t.t) *Struktur Sosial dan Ekonomi Kelantan di Ambang Kolonial Dalam Warisan Kelantan XXIV*. Kota Bharu. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Disunting oleh Abdullah Zakaria bin Ghazali. Ahmad Kamal Arifin bin Mohd Rus.h.120

Al Hikmah telah mencadangkan supaya siasah yang silap ini dipinda demi memajukan bangsa Melayu;

*Siasah yang mengutamakan titisan ini hendaklah dipinda dan dengan pindaan itu dan diharapkan terbukalah jalan-jalan membaikkan pergaulan hidup di Malaya kelak (Al Hikmah: 1937)*

Dalam perkara berkaitan juga, al Hikmah menyatakan kerugian kepada bangsa apabila orang kaya memegang jawatan kerajaan yang hanya memikirkan kepentingan diri dan tidak melaburkan harta yang dimiliki dalam projek yang dimanfaatkan oleh diri, bangsa dan pemerintah sendiri;

*Kerugian kepada negeri dan bangsa dengan sebab orang-orang kaya dan mulia menduduki kerusi jawatan di dalam pejabat-pejabat kerajaan itu. Maka lain daripada itu pula tentulah satu aib ada dihadapan ahli jawatan kerajaan yang kaya itu apabila ia memikir yang hanya puluh atau ratus ringgit sahaja pendapatan dirinya pada sebulan-sebulan itu. (Al Hikmah :1935)*

Dasar pentadbiran Inggeris yang berat sebelah yang telah memberi peluang lebih besar kepada kaum Cina dan India di dalam perkhidmatan awam juga telah menjadi isu di dalam al Hikmah. Hal ini berlaku ekoran daripada orang-orang Melayu yang tidak mendapat tempat di sekolah Inggeris (Al Hikmah: 1939). Oleh itu, mereka dikatakan tidak memenuhi syarat untuk lantikan awam kerana tiada pendidikan. Kedudukan orang Melayu di dalam sektor perkhidmatan awam pada masa itu ditunjukkan di dalam jadual 4.

Jadual tersebut menunjukkan bilangan orang Melayu sangat sedikit berbanding dengan kaum-kaum lain. Fenomena ini telah mendorong kesan kepada kehidupan orang Melayu yang sudah ketinggalan.

Al Hikmah juga menegur sikap kerajaan yang telah menjalankan dasar diskriminasi di antara pegawai Inggeris dengan pegawai Melayu dengan membayar gaji yang lebih tinggi kepada pegawai Inggeris, bertujuan untuk menyingkirkan orang-orang Melayu daripada memegang jawatan. Menurut al Hikmah;

*Ketua Melayu baikpun ketua Inggeris tentang pekerjaan dan kewajipan sama, tetapi pada tentang masalah gajinya ada berbeza. Mengapa demikian? (Al Hikmah: 1936)*

#### **Jadual 4 : Kedudukan Orang Melayu Di Dalam Perkhidmatan Awam**

<b>Pekerjaan</b>	<b>India</b>	<b>Cina</b>	<b>Melayu</b>
Pengurus Umum	27	34	8
Ketua Pegawai	4.114	426	668
Jabatan Jurutera	4.814	109	287
Keretapi	1.545	493	154
Jabatan Simpanan	104	19	15
Telefon	407	27	89
Jabatan kesihatan	99	1	5
Jabatan Binaan	499	493	40
Jumlah	12.133	1.613	1.472

Sumber: Suara Benar, 23 Oktober 1923. H.3

#### **Penutup**

Perbincangan berkaitan isu-isu utama yang dibangkitkan Majalah al Hikmah telah menunjukkan bahawa majalah ini memainkan peranan penting dalam menanggani kemunduran dan kesempitan hidup masyarakat Melayu, serta memperbaiki cara masyarakat mendalamai dan menghayati Islam sebagai cara hidup yang sempurna. Dengan fokus pada isu-isu sosial, keagamaan, politik, dan ekonomi, majalah al Hikmah menjadi media yang sangat efektif dalam mengubah cara hidup dan pandangan masyarakat terhadap kemajuan dan pembangunan.

Melalui pendekatan kualitatif dan analisis teks, penelitian ini memberikan pemahaman yang mendalam tentang peranan majalah tersebut dalam menyebarkan kefahaman Islam dan menjadi penggerak dakwah Islamiah di Kelantan sebelum perang dunia kedua, melalui aktiviti-aktiviti sosial yang pelbagai. Majalah al Hikmah tidak hanya membahas isu-isu yang relevan bagi masyarakat Melayu pada masa itu, tetapi juga memberikan inspirasi dan semangat untuk memajukan kesedaran di bidang agama, ekonomi, sosial, dan politik.

Dengan demikian, penelitian ini memberikan wawasan yang berharga tentang peranan media massa, khususnya majalah, dalam membentuk pandangan dan sikap masyarakat terhadap isu-isu penting pada masa itu. Majalah al Hikmah menjadi saksi sejarah yang memperkayakan pemahaman kita tentang perjalanan dan perkembangan masyarakat Melayu pada era tersebut. Semoga penelitian ini dapat memberikan sumbangan yang bermanfaat bagi pemahaman kita tentang sejarah dan peranan media dalam membentuk identiti dan kesedaran masyarakat.

#### **Rujukan**

- Abu Hasan an Nadwi (1971). *Qadyani Wal Qadyaniyyah: Dirasah Wa Tahlil*. Dar as Saudiyah Lil Nasy
- Abdul Razak Mahmud (2009), Bunga Rampai Persuratan Melayu Wilayah Timur, Sejarah, Pemikiran dan Karya, Pustaka Aman Press, Kota Bharu
- Alias Muhammad (t.t), Intejensi Melayu Kelantan, Insular Publishing House, Kuala Lumpur
- Alias Mohamad (tt). *Inteligensia Melayu*. Kuala Lumpur. Publishing House Sdn Bhd
- Ashaari Yusoff (t.t) Perkembangan Surat Khabar dan Majalah di Kelantan sebelum Perang dari 1918-1941. Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysi, Bangi Selangor
- Pengasuh (1920) Kota Bharu. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Hanafi Dolah (t.t). *Struktur Sosial dan Ekonomi Kelantan di Ambang Kolonial*. Kota Bharu.
- Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
- Ishak Saari (1992). Pembangunan dan Kemunduran, Perubahan Ekonomi Luar Bandar di Kelantan. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur. Kementerian Pendidikan Malaysia
- Iskandar Hj Ahmad (1980). *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*. Kuala Lumpur. Dewan

### Bahasa dan Pustaka

Manu Sikana (1983) Pemikiran Islam di dalam satera Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur

Muhammad Uthman el-Muhammadi (2010) Memperkasa Warisan Persuratan Melayu Wilayah Timur Laut, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

R. Emerson (1963) Malaysia. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka

Siti Rodziah Nayan (2009) *Akhbar Saudara, Pencetus kesedaran Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka

Shafie Abu Bakar. (2000). *Persuratan Melayu:Pengucapan Tamadun Islam.Dalam Tamadun Islam di Malaysia*. Diselenggara oleh Mohd Taib Osman. A. Aziz Deraman. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka

Al Hikmah (1934) Bil.31. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1941) Bil.33. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1941) Bil.331. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1941) Bil.331. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1936) Bil.74. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1940) Bil.282. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1939) Bil.241. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1936) Bil.80. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1936) Bil.83. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1934) Bil.25. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1935) Bil.67. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1940) Bil.281. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1937) Bil.126. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1937) Bil.132. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1937) Bil.131. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1937) Bil.134. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1940) Bil. 282. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1940) Bil. 283. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1940) Bil. 284. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1937) Bil. 135. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1937) Bil. 136. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1937) Bil. 138. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1937) Bil. 137. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1937) Bil. 132. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1935) Bil. 34. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1940) Bil. 294. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1940) Bil. 292. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1940) Bil. 295. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1939) Bil. 248. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1936) Bil. 101. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1935) Bil. 33. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1936) Bil. 68. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1940) Bil. 318. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1939) Bil. 229. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan

Al Hikmah (1936) Bil. 70. Matbaah Asasiah, Kota Bharu, Kelantan